

HUBUNGAN MAKANAN DAN PEMAKANAN ḤALĀLAN ṬOYYIBA DENGAN
AKHLAK

AEMY LIZA BINTI MINHAT

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah (Sains Halal)

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2014

DEDIKASI



Suami tercinta

Kasih sayang, bimbingan dan dorongan yang diberi

Sentiasa membakar semangat juangku

Kaulah tunjang inspirasi hatiku

Ayahanda dan bonda kandung & kedua mertua yang disayangi

Segala dorongan, sokongan, pengorbanan

dan iringan doa tulus kalian

Membuatkan anakanda teguh di sini

Guru-guru, Pensyarah dan Pendidik yang dihormati

Ilmu yang dicurah tidak terhingga

Umpama air di lautan

Tidak mengenal erti jemu

Hanya sekalung budi tersemat di jiwa

Sahabat-sahabat yang dikasihi

Mengenalikan kalian saat terindah bagiku

Mengenal erti persahabatan, erti kehidupan

Bersama mengharungi cabaran

Semoga ukhuwah fillah yang terbina kekal selamanya

Barakallahufikum

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT dengan berkat pertolongan, taufiq serta inayah-Nya telah mengizinkan saya menyiapkan dengan jayanya penulisan tesis sarjana ini.

Jutaan penghargaan buat Dr. Arieff Salleh bin Rosman selaku penyelia tesis sarjana ini di atas sumbangan idea, penyemakan, penyeliaan dan segala susah payah yang telah beliau sumbangkan sepanjang tempoh menyiapkan projek ini. Begitu juga ribuan terima kasih kepada Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi di atas bantuan dan tunjuk ajar khususnya dari segi teknik penulisan menggunakan perisian Nvivo sehingga selesai.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada suami tercinta, Tuan Ahmad Zahidi bin Tuan Abd Rahman serta kedua ibu bapa kandung dan kedua mertua yang dikasihi lagi disayangi di atas sokongan, motivasi serta iringan doa kecemerlangan yang tidak putus-putus buat saya. Kalianlah tunjang inspirasi saya untuk terus maju dan cemerlang.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Palajaran Malaysia atas tajaan biasiswa MyMaster yang diterima selama 4 semester. Ucapan penghargaan juga diberikan khas buat para pensyarah Fakulti Tamadun Islam mahupun Fakulti Pendidikan yang telah mencurahkan segala bentuk ilmu sepanjang pengajian saya di Universiti Teknologi Malaysia serta jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak.

ABSTRAK

Pengamalan ajaran Islam, cabaran makanan dan pemakanan halal serta masalah keruntuhan akhlak masa kini merupakan antara permasalahan utama yang dihadapi oleh umat Islam. Persoalannya, adakah makanan dan pemakanan seseorang itu boleh mempengaruhi akhlak manusia dan adakah wujud hubungan antara keduanya? Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep halalan toyyiba, mengenal pasti kepentingan makanan halalan toyyiba, mengkaji hubungan makanan dan pemakanan halalan toyyiba dengan akhlak, serta mengkaji hubungan makanan dan pemakanan khabith dengan akhlak. Kajian kualitatif ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data. Pertama, dokumen Tafsir al-Qurtubi dan Tafsir al-Mishbah dianalisis dengan memberi tumpuan kepada ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perkataan halal, toyyib, haram dan khabith berkaitan makanan. Kedua, data temu bual yang melibatkan seramai empat orang pakar dalam bidang sains dan perundangan Islam dipilih menerusi teknik pensampelan bertujuan. Kesemua data dianalisis menggunakan perisian NVivo 7.0. Dapatan kajian berjaya menghasilkan pola konsep halalan toyyiba, pola kepentingan halalan toyyiba, pola hubungan makanan dan pemakanan halalan toyyiba dengan akhlak, serta pola hubungan makanan dan pemakanan haram dan khabith dengan akhlak. Hasil daripada pola dapatan dan perbincangan kajian juga telah menghasilkan empat model yang menjadikan kajian ini lebih istimewa dan unik iaitu Model Konsep Halalan Toyyiba, Model Kepentingan Makanan Halalan Toyyiba, Model Hubungan Makanan Halalan Toyyiba dengan Akhlak serta Model Hubungan Makanan Haram dan Khabith dengan Akhlak. Kesemua pola dan model yang dihasilkan ini boleh dijadikan panduan awal kepada pelbagai pihak terutamanya ahli akademik untuk kajian lanjutan pada masa akan datang.

ABSTRACT

Practicing Islamic teaching, challenges in halal food and nutrition, as well as current social problems are among the main problems faced by Muslims. The question is, can one's food and nutrition affect human akhlaq and is there any relationship between them? Hence, this study aims to identify the concept of halalan toyyiba, identify the importance of halalan toyyiba food, examine the relationship of halalan toyyiba food and nutrition with akhlaq, as well as examine the relationship of khabith food and nutrition with akhlaq. The qualitative study used two methods of data collection. First, the documents of Tafsir al-Qurtubi and Tafsir al-Mishbah were analyzed by focusing on the verses in the al-Quran that contained the words related to food such as halal, toyyib, haram and khabith. Second, the interview data that involved four experts in the field of science and Islamic law that were chosen through purposive sampling method. All the data were analyzed using NVivo 7.0 software. The finding of the result managed to produce the concept pattern of halalan toyyiba, the pattern of the importance of halalan toyyiba, the relationship pattern of halalan toyyiba food and nutrition with akhlaq, as well as the relationship pattern of haram and khabith food and nutrition with akhlaq. The results from the pattern of the finding and discussion of the study had also produced four models that made this study more special and unique, which are the Model of Halalan Toyyiba Concept, the Model of the Importance of Halalan Toyyiba Food, the Model of the Relationship between Halalan Toyyiba Food with Akhlaq, as well as the Model of the Relationship between Haram and Khabith Food with Akhlaq. All patterns and models produced from this study can be used as an early guidance for various parties, especially academicians for further research in the future.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI TRANSLITERASI	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.2.1 Ajaran Islam Mengenai Makanan, Pemakanan dan Ahlak	4
	1.2.2 Cabaran Makanan dan Pemakanan	8
	1.2.3 Masalah Keruntuhan Akhlak Masa Kini	13
	1.3 Pernyataan Masalah	17

1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Persoalan Kajian	22
1.6	Kepentingan Kajian	22
1.7	Batasan Kajian	24
1.8	Definisi Istilah	26
1.8.1	Makanan	26
1.8.2	Pemakanan	26
1.8.3	Ḥalālān	26
1.8.4	Ṭoyyiba	27
1.8.5	Akhlak	28
1.9	Penutup	28
2	SOROTAN KAJIAN	29
2.1	Pendahuluan	29
2.2	Konsep Makanan dan Pemakanan Ḥalālān Ṭoyyiba	30
2.3	Sejarah Makanan dan Akhlak	39
2.4	Kepentingan Makanan dan Pemakanan Ḥalālān Ṭoyyiba Dari Persepektif Islam	43
2.5	Jenis Makanan dan Minuman yang Boleh Mempengaruhi Akhlak Manusia	54
2.5.1	Binatang Pemangsa yang Bertaring, Burung Bercakar dan Burung Pemakan Mangsa	55
2.5.2	Babi	58
2.5.3	Bangkai dan Darah yang Mengalir	61
2.5.4	Arak	63
2.6	Hubungan Makanan & Pemakanan Ḥalālān Ṭoyyiba Dengan Akhlak	66
2.6.1	Akhlak Manusia Dengan Allah	68

	2.6.2	Akhlak Sesama Manusia	73
	2.6.3	Akhlak Manusia Dengan Alam	77
	2.7	Kesimpulan	81
3		METODOLOGI KAJIAN	82
	3.1	Pendahuluan	82
	3.2	Reka Bentuk Kajian	82
	3.2.1	Penyelidikan Kualitatif	83
	3.2.2	Rasional Kajian Kualitatif	85
	3.3	Metode Pengumpulan Data	86
	3.3.1	Analisis Kandungan	86
	3.3.2	Pengumpulan Data Temubual	92
		3.3.2.1 Kaedah Temubual	94
		3.3.2.2 Temubual Spara Berstruktur	95
		3.3.2.3 Protokol Dan Strategi Temubual	96
	3.3.3	Analisis Dokumen	97
	3.4	Persampelan Kajian	98
	3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	99
	3.5.1	Pengesahan Pakar Data Kandungan Tafsir Al-Quran	100
	3.5.2	Pengesahan Pakar Data Temubual	101
		3.5.2.1 Kajian Rintis	101
		3.5.2.2 Pengesahan Responden Terhadap Data Temubual	102
		3.5.2.3 Pengesahan Pakar Terhadap Data Temubual	103
	3.5.3	Triangulasi Data	103
	3.6	Pengurusan dan Analisis Data	104

	3.7	Limitasi Kajian	108
	3.8	Kesimpulan	110
4		DAPATAN KAJIAN	112
	4.1	Pendahuluan	112
	4.2	Dapatan Kajian Analisis Dokumen	112
	4.2.1	Hukum Dalam Makanan Dan Pemakanan	113
	4.2.2	Konsep Ḥalālān Ṭoyyiba	114
	4.2.3	Kepentingan Makanan Ḥalālān Ṭoyyiba	117
	4.2.4	Perkaitan Makanan Ḥalālān Ṭoyyiba Dengan Akhlak	120
	4.2.5	Perkaitan Makanan Ḥarām dan Khabīth Dengan Akhlak	123
	4.3	Dapatan Kajian Temubual	125
	4.3.1	Latar Belakang Responden Kajian	125
	4.3.2	Dapatan Kajian Temubual	126
	4.3.2.1	Konsep Halalan Tayyiba	127
	4.3.2.2	Kepentingan Makan Makanan Halalan Tayyiba	135
	4.3.2.3	Hubungan Makan dan Pemakanan Halalan Tayyiba Dengan Akhlak	137
	4.4	Penutup	147
5		RUMUSAN, PERBINCANGAN & CADANGAN	148
	5.1	Pendahuluan	148
	5.2	Rumusan	148
	5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	151

5.3.1	Konsep Ḥalālan Ṭoyyiba	151
5.3.2	Kepentingan Makanan Ḥalālan Ṭoyyiba	155
5.3.3	Hubungan Makanan Dan Pemakanan Ḥalālan Ṭoyyiba Dengan Akhlak	159
5.3.4	Hubungan Makanan Dan Pemakanan Ḥarām dan Khabīth Dengan Akhlak	164
5.4	Implikasi Dan Cadangan	166
5.4.1	Penghasilan Model Daripada Pola	167
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	176
5.5.1	Kajian Hubungan Makanan Ḥalālan Ṭoyyiba Dengan Pembentukan Akhlak	176
5.5.2	Kajian Keberkesanan Model Ḥalālan Ṭoyyiba Terhadap Masyarakat	177
5.6	Penutup	178
	RUJUKAN	179
	LAMPIRAN	189

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Nombor E Yang Digunakan Sebagai Aditif Makanan	11
Jadual 3.1:	Perkembangan Temubual Hingga Penulisan Laporan	92
Jadual 3.2:	Senarai Responden Kajian Rintis	102
Jadual 4.1:	Tema Mengikut Hukum	113
Jadual 4.2:	Senarai ayat al-Quran yang mengandungi tema hukum berkaitan makanan & pemakanan	113
Jadual 4.3:	Latar Belakang Responden Kajian	125
Jadual 4.4:	Definisi Halāl Menurut Pakar	127
Jadual 4.5:	Definisi Ṭoyyib Berserta Contoh Menurut Pakar	128
Jadual 4.6:	Definisi Halāl Tapi Tidak Ṭoyyib Menurut Pakar	129
Jadual 4.7:	Definisi Halāl Lagi Ṭoyyib Berserta Dalil al-Quran Menurut Pakar	130
Jadual 4.8:	Definisi Khabīth Serta Contoh Menurut Pakar	131
Jadual 4.9:	Definisi Haram Serta Contoh Menurut Pakar	132
Jadual 4.10:	Definisi Akhlak Menurut Pakar	133
Jadual 4.11:	Ruanglingkup Halālan Ṭoyyiba	133
Jadual 4.12:	Perkaitan Makanan Halālan Ṭoyyiba Dengan Akhlak Sesama Manusia	140
Jadual 4.13:	Perkaitan Makanan Halālan Ṭoyyiba Dengan	

	Akhlak Manusia Dengan Alam	142
Jadual 4.14:	Perkaitan Makanan Ḥarām & Khabīth Dengan Akhlak Terhadap Allah	144
Jadual 4.15:	Perkaitan Makanan Ḥarām & Khabīth Dengan Akhlak Sesama Manusia	145
Jadual 4.16	Perkaitan Makanan Haram & Khabith Dengan Akhlak Sesama Manusia	146

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1:	Prosedur Penganalisan Data Kualitatif	106
Rajah 5.1:	Model Konsep Halalan Toyyiba	170
Rajah 5.2:	Model Kepentingan Makanan Halalan Toyyiba	171
Rajah 5.3:	Perkaitan Makanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak	173
Rajah 5.4:	Ciri-Ciri Akhlak Baik Dan Buruk Kesan Daripada Makanan	175

SENARAI SINGKATAN

a.s	‘Alaihi sallam
AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AIDS	Acquired Immunodeficiency Syndrome
DES	Diethylstilbestrol
DNA	Deoxyribonucleic Acid
FAS	Fetal Alcohol Syndrome
HIV	Human Immunodeficiency Virus
JAKIM	Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia
J-E	Japanese Encephalitis
SAW	Sallallahu ‘alaihi wa sallam
SWT	Subhanahu Wa Ta‘ala
WHO	World Health Organisation
WNE	West Nile Encephalitis
VS	Vesicular Stomatitis

SENARAI TRANSLITERASI

Ejaan kalimah Arab berdasarkan kepada sistem transliterai berikut:

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
أ	a/'a	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	'
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w/u
ش	sh	هـ	h
ص	ṣ	ي	y

Manakala bagi huruf panjang dalam ejaan Arab pula dengan penggunaan transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	ā
و	ū
ي	ī

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A: Inventori Protokol Temubual	189
LAMPIRAN B: Contoh Verbatim Analisis Kandungan	191
LAMPIRAN C: Contoh Surat Lantikan Pakar (Interater)	198
LAMPIRAN D: Contoh Surat Lantikan Peserta Kajian Rintis	199
LAMPIRAN E: Contoh Ruangan Pengesahan Dan Persetujuan Responden Temubual	200
LAMPIRAN F: Borang Pengesahan Pakar Inventori Temubual	201
LAMPIRAN G: Senarai Teks Temubual	206
LAMPIRAN H :Jadual Matriks Jenis Data Dan Kekerapan Data Hubungan Makanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak	207
LAMPIRAN I : Senarai Penerbitan	224

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam merupakan agama yang komprehensif. Syariatnya mencakupi seluruh aspek yang diperlukan oleh manusia, meliputi akidah, ibadah, muamalat, munakahat, jenayah, akhlak dan sebagainya. Tuntasnya, Islam mengandungi hukum, peraturan dan undang-undang terhadap semua perkara yang menyentuh perbuatan manusia. Matlamat utama pensyarian hukum hakam dalam Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia atau di akhirat atau kedua-duanya. Maşlahah didefinisikan sebagai manfaat untuk hamba-hambaNya memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (al-Būfī, 1982). Justeru, bagi merealisasikan matlamat tersebut, segala perkara yang baik dan buruk, halal atau haram adalah untuk kebaikan manusia.

Pada dasarnya, manusia terikat dengan hukum halal dan haram. Bagi perkara yang halal secara mutlak, Allah SWT memberi kebebasan kepada hamba-Nya untuk melakukannya, manakala yang haram, ditegah menghampirinya. Adapun bagi perkara

yang syubhah atau samar-samar, diperingatkan agar meninggalkannya bagi mengelakkan terjebak ke dalam perkara yang haram kecuali dalam situasi darurat (Siti Zulekah dan Yuli Kusumawati, 2005; Basri Ibrahim, 2009).

Mencari sesuatu yang halal untuk digunakan dalam kehidupan seharian adalah merupakan suatu kewajipan yang difardhukan oleh Allah SWT ke atas setiap Muslim, kerana mengambil yang halal itu dapat menambah cahaya iman dan membuat termakbulnya doa dan diterima amal ibadah (al-Ghazali, 2004). Sebagaimana makan sesuatu yang haram boleh menjadi benteng penghalang doa dan ibadat daripada diterima Allah SWT (Ibn Kathīr, t.th). Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menyeru dan memerintahkan umat Islam agar mengambil berat dalam mencari yang halal dan meninggalkan yang haram. Antara ayat al-Quran dan hadis yang menyentuh perkara tersebut ialah;

“Dan makanlah daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman”.

(Surah al-Mā'idah, 5:88)

“Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

(Surah al-Baqarah, 2:168)

“Abu Hurairah r.a berkata: Nabi Muhammad SAW bersabda: 'Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima melainkan yang baik. Dan sesungguhnya Allah itu telah memerintahkan kepada orang-orang mukmin dengan apa yang telah diperintahkan ke atas para rasul

yang diutuskan'. Firman Allah: 'Wahai Rasul-rasul, makanlah daripada benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan'. Firman Allah: 'Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah daripada benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu'. Kemudian Rasulullah SAW menyebutkan perihal seorang lelaki yang telah merantau jauh, kusut masai dan berdebu, sambil menadahkan kedua tangannya ke langit (memohon doa): 'Ya Tuhanku, Ya Tuhanku', sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram. Bagaimana (dengan demikian itu) doanya boleh dimakbulkan (oleh Allah SWT)'".

(Riwayat Muslim, 2003)

Kesemua dalil tersebut menunjukkan penghujahan bahawa Islam sangat mengambil berat tentang halal dan haram, kerana semua yang halal itu akan mendatangkan manfaat, sedangkan perkara yang haram akan menyebabkan *mafsadah* besar ke atas manusia baik di dunia mahupun di akhirat.

1.2 Latar Belakang Masalah

Keperluan kepada kajian hubungan makanan dan pemakanan dengan akhlak manusia ini amat berkait rapat dengan ajaran Islam itu sendiri yang amat menekankan kedua-dua elemen penting iaitu kepentingan makanan dan pemakanan yang menjadi asas keperluan dalam diri manusia serta elemen akhlak yang merupakan cerminan peribadi seseorang individu. Cabaran makanan dan pemakanan serta masalah keruntuhan akhlak masa kini merupakan antara inti pati permasalahan yang seringkali

dihadapi oleh masyarakat muslim di Malaysia khususnya. Hal ini memerlukan kepada satu pengkajian yang mendalam untuk menghasilkan panduan umum mengenai hubungan antara makanan dan pemakanan ḥalāl dan ṭoyyiba.

1.2.1 Ajaran Islam Mengenai Makanan, Pemakanan dan Akhlak

Makanan merupakan keperluan asasi manusia. Ia menjadi santapan dan bertukar menjadi darah daging manusia. Manusia tidak boleh makan makanan melainkan yang telah dihalalkan oleh Syarak sebagaimana firman Allah SWT:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): ‘Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?’ Katakanlah: ‘Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik’”.

(Surah al-Mā'idah, 5:4)

Terdapat juga dalam al-Quran memperincikan secara khusus tentang keistimewaan sesetengah jenis makanan. Antara makanan yang telah dianjurkan dalam al-Quran termasuklah susu, kurma, anggur, madu, jagung, bijirin dan buah zaitun yang mempunyai khasiat pemakanan yang baik untuk kitaran hidup manusia. Al-Quran juga tidak menghadkan penerangan tentang makanan yang halal dan haram sahaja, malah lebih meluas dengan menyentuh tentang panduan berguna berkenaan hidangan yang seimbang, yang merangkumi semua zat yang berguna untuk pertumbuhan badan, memperbaiki tisu-tisu tubuh, memperkuatkan tubuh dan mengelakkan daripada penyakit berjangkit (Abu Zaid, 1997).

Pengambilan makanan bagi memenuhi keperluan zat badan dan mencapai kesihatan yang optimum sukar ditentukan secara terperinci kerana banyak unsur yang mempengaruhi pengambilan makanan antaranya ialah unsur ekonomi, budaya masyarakat dan kemudahan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, berlandaskan pendekatan sains, seseorang itu disarankan memakan makanan daripada empat kumpulan asas iaitu kumpulan susu, daging, bijirin dan roti serta kumpulan sayur-sayuran dan buah-buahan. Dalam Islam, makanan seimbang merujuk kepada makanan untuk jasmani dan rohani. Makanan untuk rohani ialah ilmu yang membawa manfaat, iman dan amal ibadat yang diusahakan demi Allah, manakala makanan untuk jasmani pula meliputi makanan yang telah diutarakan melalui pendekatan sains dan tertakluk kepada prinsip-prinsip syariah dan mendapat keberkatan daripada Allah. Perlu diingatkan bahawa pengambilan makanan yang berlebihan bukan sahaja menyebabkan berlakunya penambahan berat badan malah merupakan satu tanda awal rangsangan kepada permulaan pelbagai penyakit. Daripada sudut rohani, makan dengan cara berlebihan pula menyebabkan hati kita lebih sukar untuk menerima perkara-perkara yang baik yang boleh melemahkan daya fikir manusia. Oleh sebab itu, makanan yang dimakan perlu diberi perhatian dari segi khasiatnya dan berapa besar hidangannya (Abu Zaid, 1997; Tajul Ariffin Nordin et.al, 2007; Asmak Ab Rahman, 2009).

Bagi seseorang Muslim, mengambil makanan adalah untuk meneruskan kehidupan dan bukanlah hidup untuk makan. Oleh yang demikian, makanan yang baik bukan sahaja mengambil kira kandungan zat yang ada dalam makanan tersebut tetapi juga dari segi bersih dan halal turut perlu diberi penekanan. Sewajarnya, masyarakat perlu prihatin terhadap makanan yang diambil dan menepati kehendak agama dan dari segi khasiatnya. Sehubungan dengan itu, benarlah amalan yang telah ditunjukkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad SAW yang bersederhana dalam semua perkara. Pendekatan ini merupakan suatu langkah pencegahan yang baik untuk dituruti dalam menjaga kesihatan. Ini kerana pencegahan adalah lebih baik daripada mengubat. Walaupun makanan memainkan peranan penting dalam pembentukan kesihatan, ini bukan bermakna hanya makanan yang menjadi punca segala penyakit. Sebaliknya

banyak lagi faktor lain yang menyebabkan gangguan terhadap kesihatan (Siti Zulekah dan Yuli Kusumawati, 2005; Tajul Ariffin Nordin, 2007).

Ketiadaan makanan boleh menyebabkan kematian, tidak cukup makan juga akan menyebabkan penyakit yang teruk manakala kurang memakan makanan yang berzat pula boleh menyebabkan penyakit yang tidak teruk tetapi ia akan mengganggu keselesaan seseorang. Melalui pendekatan makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang menunjukkan Islam tidak menekankan seseorang itu perlu mengambil makanan yang banyak untuk mendapatkan makanan yang seimbang, sebaliknya Islam mengamalkan kesederhanaan. Sebagai satu contoh yang boleh dipaparkan di sini ialah Rasulullah SAW berbuka puasa hanya dengan segelas susu dan beberapa buah biji tamar. Gabungan antara dua makanan ini mencukupi untuk memberikan makanan yang seimbang (al-Tirmidhi, 2011).

Tidak ada percanggahan antara sains dengan Islam berhubung dengan pengambilan makanan yang baik dan berkhasiat, namun bukan semua makanan yang dianggap baik itu boleh diterima oleh semua manusia. Ini kerana setiap manusia terikat dengan unsur agama yang mungkin menyebabkan berlakunya pengkelasan terhadap makanan. Syariat Islam sebenarnya adalah lengkap dan tidak membebankan penganutnya, apatah lagi dalam perkara-perkara sunat. Antara perkara sunat ketika makan dan minum merupakan adab yang perlu dititikberatkan ketika menjamah juadah ialah duduk sambil makan, memulakan dengan bacaan Bismillah dan mengakhirinya dengan Alhamdulillah, tidak berjalan-jalan ketika makan, membasuh tangan sebelum dan selepas makan dan elakkan pembaziran (Fauzi, 1997; Siti Zulekah dan Yuli Kusumawati, 2005; Tajul Ariffin Nordin et. al, 2007).

Makanan halal yang dianjurkan oleh Islam mempunyai hikmah yang tersendiri. Antaranya, ia mempunyai perkaitan dengan akhlak manusia. Akhlak memainkan

peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia. Ini kerana nilai seseorang manusia itu hakikatnya terletak pada akhlak dirinya. Semakin tinggi akhlak diri seseorang itu maka semakin tinggi pula nilai kemanusiaan yang dimiliki pada dirinya. Dengan akhlak jugalah dapat dibezakan antara insan dengan haiwan daripada segi perilaku dan tanggungjawab yang dipikul dalam kehidupan seharian. Dalam Islam, perumpamaan bagi manusia yang tidak berakhlak mulia sama tarafnya dengan haiwan, malah dianggap lebih hina sebagaimana firman Allah SWT:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keEsaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.”

(Surah al-A’rāf, 7:179)

Pembangunan akhlak seseorang turut dipengaruhi oleh makanan dan pemakanan. Jika makanan diambil daripada sumber yang haram, maka akan terbentuklah individu Muslim yang tidak mengikut acuan Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT ayat 179 surah al-A’rāf. Akhirnya, akan lahir masyarakat yang sarat dengan masalah sosial akibat hidup tiada keberkatan berpunca daripada susur galur makanan dan pemakanan haram yang menjadi darah daging. Oleh itu, makanan bukan sekadar perlu dinilai berdasarkan khasiat dan kelazatannya, yang lebih penting adalah keberkatannya. Di samping berpegang kepada konsep ḥalāl dan ṭoyyib, perlu juga dihiasi dengan adab makan yang digalakkan oleh Islam.

Dengan itu, keberkatan dapat diraih, dan ia melambangkan kesyumulan dan keindahan Islam itu sendiri dalam usaha melahirkan generasi muslim yang berkeperibadian mulia serta beradab tinggi. Justeru itu, apa yang telah digariskan oleh

Islam cukup lengkap sebagai panduan dalam hidup kita seharian. Bersederhana dalam semua perkara sehinggakan dalam pengambilan makanan pun kita perlu mengamalkan sikap tersebut. Selain mengamalkan nilai-nilai yang telah dianjurkan dalam Islam, nilai pemakanan dan mutu khasiat makanan yang kita ambil juga perlu diutamakan agar kita mampu menjadi ummah yang sihat dan baik.

1.2.2 Cabaran Makanan dan Pemakanan

Islam amat mementingkan kesihatan seseorang daripada segi jasmani mahupun rohani. Kesihatan merujuk kepada kesihatan rohani, akal, psikologi dan juga jasmani, di mana ia saling berhubungkait dan bersatu padu secara menyeluruh. Dalam pada manusia merangka kerja seharian, kadang kala mereka mengabaikan kepentingan kesihatan diri sendiri. Gabung jalin antara kesihatan jasmani, rohani dan kemasyarakatan amat penting demi menjaga keselamatan dan kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat. Islam menganjurkan supaya umatnya juga menjaga kebersihan untuk kesihatan diri dan melahirkan ummah yang sihat dan mampu melawan penyakit berjangkit. Individu yang sihat pula akan mampu memahami dan melaksanakan suruhan Allah dan menyebarkannya ke seantero dunia (Zainun Ishak, 2006; Zawanah et. el., 2008).

Al-Quran mengajar manusia tentang tabiat makan yang sihat dan pemakanan yang baik. Panduan tersebut bukan sekadar bertujuan untuk mengekalkan kesihatan jasmani manusia malah juga kesihatan rohani. Tumbesaran manusia mestilah seimbang antara rohani dan jasmani. Jika seseorang hanya tertumpu kepada menekankan diet dan pemakanan tanpa menghiraukan pengabdian diri kepada Allah SWT, juga boleh mengakibatkan dirinya lemah kerana iman dan jiwa yang kosong. Namun sebaliknya berlaku jika seseorang hanya sibuk menumpukan sepenuh perhatian kepada ibadah dan

menghambakan diri kepada Allah tetapi mengabaikan keperluan tubuh badan, natijahnya juga sama iaitu menyebabkan mereka ditimpa sakit dan lemah yang membawa kepada kesukaran untuk mentaati perintah Allah SWT. Justeru, sudah termaktub dalam al-Quran untuk menyeimbangi kedua-dua ciri tersebut (Zawanah et.al., 2008; Alina Abdul rahim, 2010).

Walaupun bagaimanapun, terlalu banyak cabaran yang dihadapi masyarakat hari ini berkait dengan halal dan haram dan mungkin ia akan terus menjadi permasalahan sekiranya tiada jalan yang tuntas dalam membuka penyelesaiannya. Lantaran pelbagai cabaran pemakanan halal yang mendepani masyarakat pada hari ini, memperlihatkan masyarakat semakin prihatin terhadap apa yang dimakan dan digunakan. Mencari sesuatu yang halal itu dilihat sebagai seorang yang berjihad dan sudah pastilah mujahadah itu dirintangi dengan pelbagai cabaran. Inilah senario yang berlaku dalam dunia hari ini. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

"Barangsiapa yang berusaha mencari untuk keluarganya perkara yang halal, dia seperti seorang yang berjuang pada jalan Allah. Dan barangsiapa yang mencarinya dengan menjaga maruah dirinya, dia berada pada darjat para syuhada."

(Riwayat al-Ṭabrānī)

Fakta kemasukan ke hospital dan kematian yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2012 secara umumnya mendapati sebanyak 3.64% pesakit yang mendaftar di hospital kerajaan mahupun swasta adalah disebabkan status kesihatan dan servis kesihatan, manakala sebanyak 1.76% kematian berlaku disebabkan penyakit berkaitan masalah pemakanan, metabolik dan endokrin dan sebanyak 5.01% kematian disebabkan penyakit berkaitan sistem penghadaman manusia. Manakala kadar tertinggi insiden dan kematian disebabkan penyakit berjangkit mendapati 44.93 daripada 100,000 populasi rakyat Malaysia mengalami masalah keracunan makanan. Fakta ini

membuktikan kematian masyarakat moden bukan kerana tidak makan atau kurang makanan, tetapi disebabkan terlebih makan makanan yang tidak berkhasiat dan memudharatkan kesihatan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013).

Jika dilihat cabaran dari sudut penghasilan makanan, semakin hari semakin moden dan canggih mesin pembuatan makanan dihasilkan, maka makanan atau produk yang dihasilkan turut semakin kompleks penghasilannya. Impak daripada perkembangan teknologi makanan maka pelbagai aditif makanan digunakan untuk mengelakkan makanan menjadi punca keracunan makanan, memanjangkan jangka hayat makanan, membantu pemprosesan makanan, memperbaiki rupa, rasa dan sifat makanan supaya konsisten dan kekal. Peraturan 19 (1) Peraturan-peraturan Makanan 1985 “Aditif makanan ialah bahan yang ditambah secara sengaja ke dalam atau ke atas makanan dalam kuantiti yang sedikit untuk mengekalkan/ memperbaiki kualiti, penampilan (tekstur, konsistensi, appearance), perisa, bau, rasa dan tempoh penyimpanan tidak termasuk vitamin & mineral”.

Bahan tambah ini termasuklah Nombor E (E Numbers). Nombor E ialah kod nombor untuk bahan tambah dan ia selalunya digunakan pada label makanan di Negara Kesatuan Eropah, Australia, New Zealand, Amerika Utara terutama Kanada dan Israel. Skim penomboran ini mengikut International Numbering System (INS) yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Codex Alimentarius (Class Names And The International Numbering System For Food Additives, 2013). Antara nombor E yang digunakan sebagai aditif makanan ialah:

E100 - E199	- Warna
E200 - E299	- Pengawet
E300 - E399	- Oksidan - Fosfat - Antioksidan - PengawalAsid
E400 - E499	- Pemekat - Pelembap - Penstabil - Emulsifier
E500 - E599	- Garam - Regulator Asid - AgenPenghalangKerak
E600 - E699	- PenambahPerisa
E900 - E999	- Pemanis - Bahan-bahan lain
E1000- E1999	- Bahan Kimia Tambahan

Jadual 1.1: Nombor E Yang Digunakan Sebagai Aditif Makanan

Isu yang pernah menjadi pertanyaan masyarakat kepada pihak Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah kod E 471 berkaitan sejenis emulsifier iaitu mono dan digliserida yang merupakan bahan kimia yang digunakan bagi memperbaiki mutu makanan dan dihasilkan daripada sumber lemak haiwan lembu, babi atau tumbuhan. Walaubagaimanapun, kenyataan media oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Hj. Othman Mustapha (Penjelasan Kod E Yang Dikaitkan Mengandungi Lemak Babi, 26 Mei 2014) telah membuat kenyataan bahawa tidak semua nombor E yang digunakan untuk membuat sesuatu produk makanan berasaskan dari sumber yang haram. Bahan-bahan aditif ini boleh bersumberkan tumbuhan, sintetik, mikrob, semulajadi, kimia dan haiwan. Bagi kod E 471, ia adalah sejenis pengemulsi yang bersumber daripada lemak sintetik yang terhasil daripada gleserol dan asid lemak semulajadi terutamanya dalam tumbuhan (contohnya minyak kelapa sawit) atau lemak haiwan. Ramuan ini secara umumnya ialah sebatian pelbagai bahan dengan kandungannya hampir sama dengan lemak semulajadi yang boleh dihadam. Justeru, sekiranya produk tersebut merupakan produk tempatan dan mendapat sijil Pengesahan Halal Malaysia, maka ia boleh digunakan tanpa was-was sekalipun mempunyai kod E.

Meskipun begitu, pengguna Muslim perlu sentiasa berhati-hati dan peka ketika memilih sebarang jenis produk kerana terdapat banyak lagi bahan-bahan tambahan makanan yang masih diragui status halalannya atau sumber ambilannya seperti *Antioxidant, Animal Shortening, Enzyme, Gelatin, Lard, Renin/renetpolysorbate Glycerine, Collagen, Tallow* dan lain-lain (Class Names And The International Numbering System For Food Additives, 2013). Perkara ini tidak diketahui oleh kebanyakan pengguna Islam disebabkan perkembangan teknologi makanan masa kini. Menurut Dr Abdul Karim Alias (2009), 90% pengeluaran gelatin dunia yang kebiasaannya diambil dari lembu (bovine) dan babi (porcine) adalah tidak halal.

Begitu juga halnya dengan perubahan moden yang kehilangan sentuhan ilmiah dan agama dan boleh memberi ancaman terhadap kesihatan manusia. Menurut Gray (2013), sebahagian besar daripada ubat yang dijual di farmasi adalah tidak benar-benar menyembuhkan penyakit, tetapi hanya mengubati simptom-simptom penyakit contohnya ubat antibiotik, ia berfungsi untuk mengurangkan jangkitan dan tidak membunuh virus yang menyebabkan penyakit dan lebih malang lagi boleh memberi kesan sampingan. Menurut beliau lagi, seseorang yang sihat, berfikiran kritis dan berhati-hati, dianggap sebagai ancaman kepada organisasi gergasi yang sedang berkuasa seperti Amerika Syarikat dan cara terbaik bagi mengendalikan satu bangsa adalah dengan memberi mereka ubat dan mempertahankan masyarakat dalam keadaan fikiran mereka tenang, tetapi samar kerana penguatan dan fluorida yang dicampurkan ke dalam ubat-ubatan mereka.

Penentuan pemilihan makanan dari segi kualiti dan khasiat, halal dan haram, kebersihan dan juga penampilan makanan dipengaruhi oleh justifikasi yang diputuskan oleh seseorang individu. Justifikasi ini juga dikaitkan dengan beberapa faktor seperti agama, budaya, maklumat dan gaya hidup (Zainun Ishak, 2006). Produk halal mendapat tempat di hati pengguna bukan Islam disebabkan oleh nilai kemanusiaan terhadap

binatang semasa penyembelihan dan persepsi bahawa produk halal adalah sihat dan selamat.

Kebanyakan pengguna bukan Islam di Malaysia masih lagi melihat produk yang dilabel halal daripada perspektif agama. Masyarakat Cina dan India tidak peduli langsung, sama ada produk yang diambil adalah halal atau tidak. Namun, mereka masih menghargai nilai dan kelebihan yang mendasari produk halal termasuklah proses kebersihan produk halal sebelum berada di pasaran. Pengguna bukan Islam di Rusia membeli produk daripada peruncit Islam kerana percaya produknya adalah selamat, segar, bebas daripada jangkitan penyakit dan percaya bahawa setiap Muslim terikat dengan kepercayaan mereka yang tidak menipu. Di Filipina, masyarakat bukan Islam juga cenderung untuk membeli makanan yang mempunyai logo halal atas alasan kesihatan. Masyarakat Filipina telah mula beralih mencari produk halal kerana percayanya adalah selamat, sihat dan baik untuk digunakan (Zaini Nasohah, 2004).

1.2.3 Masalah Keruntuhan Akhlak Masa Kini

Persoalan mengenai halal dan haram merupakan perkara yang amat luas dalam Islam serta boleh mendatangkan impak; sama ada positif atau negatif kepada masyarakat umum. Malaysia sebuah negara yang sedang membangun ini tidak terkecuali untuk berdepan dengan masalah keruntuhan akhlak yang melibatkan pelbagai jenis jenayah. Banyak faktor menyumbang kepada berlakunya fenomena negatif ini. Antaranya berpunca daripada kelalaian manusia itu sendiri berkaitan hukum halal dan haram yang telah ditentukan oleh Allah SWT meskipun ia melibatkan keperluan asas manusia iaitu berkaitan makanan dan minuman sehingga tanpa disedari mampu mempengaruhi perilaku dan akhlak individu.

Minuman arak sebagai contoh, merupakan salah satu perkara yang jelas diharamkan oleh Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan bertenung nasib dengan anak-anak panah, adalah perkara keji yang termasuk perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya agar kamu berjaya”.

(Surah al-Māidah, 5:90)

Arak merupakan perosak masyarakat sejak zaman berzaman. Fungsi arak dapat ditinjau menerusi definisi bahasa Arab, di mana arak atau *khamr* boleh diertikan dengan pelbagai maksud antaranya seperti penutupan (*taghṭiyah*), percampuran (*mukhālaṭah*), perubahan (*taghayyur*), cukup masa (*idrāk wa bulūgh al-awan*) dan meninggalkan (*tark*) (Ibn Manẓūr, 1990). Namun demikian, maksud yang paling serasi dengan *khamr* ialah penutupan dan percampuran seperti yang ditegaskan oleh Ibn al-‘Arabi memandangkan sifat *khamr* mampu menutup fungsi akal dan mencampur-adukkan pemikiran manusia sehingga hilang kewarasannya. Manakala dari sudut istilah, jumhur ulama telah mendefinisikan arak sebagai apa jua bahan yang mampu memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal. Pandangan ini berdasarkan hadis diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Setiap bahan yang memabukkan itu adalah arak dan setiap bahan yang memabukkan itu adalah haram. Dan sesiapa yang meminum arak di dunia lalu dia meninggal dunia dalam keadaan dia menagihnya (dan) tidak (sempat) bertaubat nescaya (sebagai balasan) dia tidak akan dapat meminumnya di akhirat kelak.”

(Riwayat Muslim, 2003)

Berdasarkan definisi dan dalil tersebut, dapat dilihat hubungkait yang amat rapat antara minuman arak dan akal manusia di mana minuman arak atau apa jua bahan yang memabukkan itu boleh menjejaskan kesihatan dan kewarasan akal fikiran manusia. Malah lebih teruk lagi, dalam Islam, arak merupakan perbuatan syaitan yang mana ia

bermaksud untuk menimbulkan permusuhan, kebencian antara sesama manusia serta memalingkan seseorang muslim itu daripada mengingati Allah SWT serta meninggalkan solat sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji kotor itu atau kamu masih berdegil)?”

(Surah al-Mā'idah, 5:90-91)

Melihat kepada statistik semasa, laporan mengenai alkohol dan kesihatan 2011 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada tahun 2010 Malaysia mencatatkan seramai 72% daripada jumlah keseluruhan populasi 28,276,000 orang penduduk berumur lingkungan 15 tahun dan ke atas mengambil minuman arak daripada jenis Beer 76%, Spirit 22%, Wine 2% dan lain-lain 1%. Menurut laporan tersebut lagi, pada tahun 2012 sebanyak 1.4% daripada 100,000 populasi penduduk Malaysia yang berumur 15 tahun dan ke atas mengambil minuman arak atau memandu di bawah pengaruh alkohol dan sebanyak 67.8 daripada jumlah populasi tersebut terlibat dalam kemalangan maut. Bagi laporan berkaitan kesihatan, WHO turut mencatatkan bahawa sebanyak 59.4% daripada jumlah populasi 100,000 orang penduduk Malaysia ketagihan arak dan 16.5% daripadanya menghadapi masalah penyakit *liver cirrhosis* akibat pengambilan minuman tersebut. Jika ditinjau pula laporan alkohol dan kesihatan 2011 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di peringkat dunia, sebanyak 48% daripada kes kecelaruan mental dan tingkah laku adalah berpunca daripada pengambilan alkohol. 5.3% daripada keseluruhan kes keganasan rumah tangga adalah berkaitan alkohol. 4.5% kes baru penderaan kanak-

kanak juga berkaitan dengan alkohol. Statistik untuk insiden pergaduhan kaum akibat mabuk sepanjang 2010 ialah 71 kes, sementara 79 kes dicatat pada 2009, 60 kes pada 2008, 131 kes pada 2007 dan 77 kes pada 2006. Penyeludupan minuman keras juga dari 590 kes kepada 812 kes pada 2010. Untuk 2011, sehingga 20 Feb, sebanyak 83 kes rampasan minuman keras direkod oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013).

Bagi kes berkaitan dadah pula, kes penagihan dadah merupakan kesalahan yang diletakkan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Menurut Laporan Dadah Bulan Disember 2013 oleh Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, masalah penagihan dadah ini semakin serius sejak tahun 1970an sehingga mendorong kerajaan Malaysia mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara pada tahun 1983. Sepanjang tahun 2013, kes penagihan dadah di Malaysia menunjukkan penurunan sebanyak 12.77% berbanding 2012 (9,015 orang) dicatatkan oleh AADK. Menurutnya lagi, penagihan ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu penagih yang baru dikesan oleh sistem AADK sebanyak 4,768 orang, penurunan sebanyak 9.53% berbanding 5,270 orang tahun sebelumnya. Manakala bagi kes penagihan berulang yang pernah menjalani rawatan di bawah AADK dan direkodkan di dalam sistem AADK sebelum ini mencatatkan 3,096 orang iaitu penurunan sebanyak 17.33% berbanding 2012 (3,745 orang). Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia 2012 melaporkan daripada 100,000 populasi, kadar insiden bagi penyakit AIDS adalah 4.64% manakala kematian disebabkan sebanyak 1.82% dan kadar insiden bagi penyakit HIV adalah 11.72%, manakala kematian disebabkan sebanyak 0.57% daripada jumlah populasi.

Dari segi perubatan, pengambilan sedikit alkohol atau dadah boleh menyembuhkan penyakit tertentu tetapi jika diambil berlebihan boleh memudaratkan kesihatan fizikal, tingkah laku dan emosi peminumnya. Antara kesan fizikal yang seringkali dihadapi adalah kanser otak, lidah, mulut, esofagus, larink dan pundi kencing, kecederaan otak dan masalah saraf, masalah jantung dan tekanan darah, masalah

seksual, kecacatan kelahiran seperti Sindrom Alkohol Janin (FAS), masalah obesiti, ulser dan gastritis, serta kerosakan organ hati seperti sirosis dan hepatetis.

Dari segi tingkahlaku dan tekanan emosi, minuman keras atau dadah boleh menyebabkan seseorang itu melakukan perbuatan di luar batas kawalannya seperti memandu terlalu laju dan amalan-amalan lain yang merbahaya.

Melihat kepada statistik jenayah-jenayah yang berpunca dari arak dan dadah serta implikasinya terhadap kesihatan manusia, jelas dan benarlah ketentuan dan ketetapan Allah SWT tentang pengharaman arak serta benda yang memabukkan lantaran perbuatan tersebut bukan sahaja mendatangkan kemudaratan kepada pelakunya, bahkan juga masalah masyarakat umum dari sudut maqasid syariah iaitu kesan buruk terhadap agama, nyawa, akal, maruah, dan harta benda (Zaini Nasohah, 2004). Oleh itu, penjelasan tentang konsep makanan dan pemakanan ḥalālān ṭoyyiba serta hubungannya dengan akhlak manusia menurut perbahasan para ulama tafsir diperlukan bagi menjelaskan dan mendidik masyarakat mengenai halal haram dalam pelbagai konteks kehidupan manusia secara menyeluruh.

1.3 Pernyataan Masalah

Persoalan tentang pengamalan ajaran Islam, cabaran makanan dan pemakanan halal serta masalah keruntuhan akhlak masa kini merupakan antara inti pati permasalahan yang seringkali dihadapi oleh umat Islam di dunia dan masyarakat muslim di Malaysia khususnya. Jika kesemua permasalahan tersebut dapat dihadapi dan ditangani dengan cara yang betul menurut panduan Islam, maka akan melahirkan

individu muslim yang cemerlang akhlaknya. Individu muslim yang cemerlang akhlaknya amat diperlukan dalam aspek pembentukan masyarakat kerana ia merupakan asas kepada pembentukan keluarga sakinah, masyarakat yang harmoni serta pembinaan negara Islam yang bertamadun tinggi. Dalam masa yang sama, diharap dapat membendung masalah keruntuhan akhlak, nilai dan moral masyarakat di Malaysia.

Namun apa yang berlaku di Malaysia khususnya sebagaimana yang ditunjukkan oleh pelbagai kajian yang berterusan daripada pelbagai institusi dan penyelidik, menunjukkan bahawa isu berkaitan makanan dan pemakanan masih boleh dipersoalkan lagi. Bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat umum yang berperanan sebagai pengguna dan juga pihak peniaga dan pengusaha industri makanan yang berperanan sebagai pembekal, pengeluar dan juga penjual makanan yang memiliki ciri dan akhlak Islamiah.

Jika dilihat dari konteks pengguna, kelemahan pengguna muslim bukan sahaja berkaitan pengetahuan dalam bidang makanan, tetapi juga aspek cara pemakanan yang diambil serta kesan positif dan negatif terhadap diri sedangkan perkara-perkara tersebut menjadi teras kepada pembentukan peribadi seseorang. Sebagai pengguna yang prihatin tentang hukum halal dan haram, perlu diambil kira juga persoalan seperti bagaimana untuk memastikan sesuatu produk makanan atau barangan kegunaan itu mematuhi apa yang dikehendaki oleh Islam? Sejauhmana keyakinan terhadap status halal makanan dan minuman serta barangan gunaan harian yang terdapat di negara ini? Sedarkah bahawa produk yang halal belum tentu ia adalah berkualiti (ṭoyyib)? Halal bukan hanya terhadap kepada bahan asas yang digunakan dalam menghasilkan produk akhir semata-mata, malahan mencakupi konsep yang lebih luas bermula daripada peringkat awal sehinggalah produk itu siap dimakan dan digunakan. Di samping itu, ia juga perlu diasingkan daripada bahan-bahan lain yang tidak halal, tidak bersih serta tidak menepati syarat yang digariskan oleh Islam.

Terlalu banyak cabaran yang menjengah kehidupan masyarakat hari ini berkait dengan halal dan haram dan mungkin ia akan terus menjadi permasalahan sekiranya tiada jalan yang tuntas dalam membuka penyelesaiannya. Pelbagai cabaran pemakanan halal yang mendepani masyarakat pada hari ini, memperlihatkan masyarakat semakin prihatin terhadap apa yang dimakan dan digunakan. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a bermaksud, *"Barangsiapa yang berusaha mencari untuk keluarganya perkara yang halal, dia seperti seorang yang berjuang pada jalan Allah. Dan barangsiapa yang mencarinya dengan menjaga maruah dirinya, dia berada pada darjat para syuhada."* Riwayat al-Ṭabrānī. Mencari sesuatu yang halal itu dilihat sebagai seorang yang berjihad dan sudah pastilah mujahadah itu dirintangi dengan pelbagai cabaran. Inilah senario yang berlaku dalam dunia hari ini. Ditambah lagi dengan teknologi yang semakin moden, maka makanan atau produk semakin kompleks penghasilannya.

Penentuan pemilihan makanan dari segi kualiti dan khasiat, halal dan haram, kebersihan dan juga penampilan makanan dipengaruhi oleh justifikasi yang diputuskan oleh seseorang individu. Justifikasi ini juga dikaitkan dengan beberapa faktor seperti agama, budaya, maklumat dan gaya hidup. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa agama boleh mempengaruhi sikap dan tingkahlaku secara keseluruhannya, tabiat pemakanan dan pemilihan makanan secara khususnya. Produk halal mendapat tempat di hati pengguna bukan Islam disebabkan oleh nilai kemanusiaan terhadap binatang semasa penyembelihan dan persepsi bahawa produk halal adalah sihat dan selamat (Ruain Mustari, 1994).

Begitu juga pihak peniaga dan pengusaha industri makanan yang berperanan sebagai pembekal, pengeluar dan juga penjual makanan. Pelbagai isu kontemporari bidang industri makanan timbul. Laporan kajian tentang kelemahan industri makanan di Malaysia, cabaran dalam bab halal pada hari ini bukanlah kecil tetapi memerlukan kesabaran dan ketahanan yang tinggi. Tambahan lagi lambakan produk makanan dan

barangan yang lain di pasaran menyebabkan masyarakat mempunyai banyak alternatif namun perlu diperhati dan diteliti. Isu berkaitan penggunaan bahan tambah makanan adalah cabaran kepada umat Islam kerana proses penghasilan dan sumber bahan penambah itu sendiri mungkin menggunakan ramuan haram yang dimasukkan ke dalam produk makanan halal. Walaupun penggunaannya dibenarkan dalam aras yang ditentukan, yang menjadi persoalannya ialah apakah ia bakal mengundang kemudaratan kepada kesihatan, jika terus digunakan dalam makanan yang diambil oleh manusia setiap hari? Dilema lain pula, jika bahan tambah makanan itu berasal daripada haiwan yang diharamkan, sekaligus menjadikannya haram dimakan oleh umat Islam. Bagaimana pula dalam situasi di mana kadangkala semasa proses pembuatan sesuatu bahan makanan atau minuman mungkin akan terhasil unsur-unsur yang diharamkan?

Ketidaktelusan pengeluar dalam pelabelan makanan akan memberi impak yang buruk kepada pengguna mahupun pengeluar itu sendiri. Isu ini memberi cabaran yang besar kepada masyarakat pengguna dalam memilih makanan yang terbaik lebih-lebih lagi jika pelabelan makanan mengelirukan. Kekeliruan yang timbul bukanlah perkara kecil kerana ia bakal memberi kesan kepada pemilihan makanan. Contohnya dalam isu kod E yang menjadi tanda tanya oleh masyarakat awam. Sesetengah pengguna yang prihatin dan teliti dengan sesuatu produk akan melihat kandungan makanan tersebut, namun ada juga yang tidak mengambil endah (Hasanah Badrul, 2002; Zawanah et.al., 2008; Mohammad Noorizzudiin Nooh & Wan Rasyidah Wan Nawang, 2009). Oleh itu, penglibatan penyelidik dalam mengkaji kesan jangkamasa pendek dan panjang sesuatu bahan tambah menyediakan satu cabaran besar yang akan memberi impak kepada kesihatan awam apatah lagi yang melibatkan unsur halal dan haram bahan tambah makanan tersebut.

Selain masalah berkaitan makanan, cabaran yang lebih besar dan semakin meruncing adalah berkaitan keruntuhan akhlak masyarakat. Jika diteliti dan dikenalpasti secara mendalam, masalah keruntuhan akhlak yang berlaku sejak dahulu hingga kini

tidak hanya melibatkan masalah akhlak sesama manusia, dan akhlak terhadap alam, tetapi juga melibatkan jenayah lebih besar iaitu jenayah terhadap Allah SWT. Justeru, keadaan sebegini sudah tentu mencemarkan imej Islam di mata masyarakat bukan Islam. Jika isu ini terus menerus berlaku tanpa ada usaha untuk mengkaji, memperhalusi dan mengenegahkan panduan umum berkaitan kepentingan makanan dan pemakanan ḥalālān ṭoyyiba serta hubungannya dengan akhlak manusia, maka ia akan menjadi semakin kompleks.

Tuntasnya, kesemua permasalahan yang berlaku tersebut memberi gambaran tentang betapa pentingnya konsep halal dalam makanan ini difahami dan diterapkan dalam kehidupan seharian. Ini adalah kerana pematuhan kepada standard makanan halal seperti yang ditetapkan oleh Allah SWT, memberi kesan yang besar kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Individu yang patuh kepada suruhan dan larangan Allah sudah pasti akan menjadi individu yang amanah kepada tugasnya. Mereka yang amanah sudah pasti menghasilkan kerja yang bermutu dan berkualiti. Masyarakat yang berkualiti sudah pasti menghasilkan kerja-kerja yang berkualiti. Naluri manusia sememangnya berhajat kepada sesuatu yang berkualiti.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti konsep halalan toyyiba.
2. Mengenalpasti kepentingan makanan halalan toyyiba .
3. Mengkaji hubungan antara makanan dan pemakanan halalan toyyiba dengan akhlak.

4. Mengkaji hubungan antara makanan dan pemakanan haram dan khabith dengan akhlak.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah konsep halalan toyyiba.
2. Apakah kepentingan makanan halalan toyyiba .
3. Bagaimana hubungan antara makanan dan pemakanan halalan toyyiba dengan akhlak.
4. Bagaimana hubungan antara makanan dan pemakanan haram dan khabith dengan akhlak.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah bertitik tolak daripada beberapa persoalan khususnya mengenai budaya makan dan pemakanan halalan toyyiba yang semakin menjadi prioriti pilihan bagi masyarakat Islam di Malaysia. Oleh itu, kajian ini lebih menjurus untuk mendalami dan memperlihatkan tentang hubungan yang wujud antara makanan dan pemakanan halalan toyyiba dengan akhlak manusia menerusi kajian terhadap tafsir al-Quran dan seterusnya mendapatkan keterangan dan pendapat pakar bidang makanan dan nutrisi, bidang tafsir al-Quran dan juga bidang fiqh semasa mengenai perkara tersebut. Kemudiannya maklumat-maklumat yang diperolehi

dikumpul, dianalisis dan dikategorikan kepada gambaran hubungan makanan dan pemakanan ḥalālān ṭoyyiba dengan akhlak secara holistik dan hasil model-model yang diperolehi disumbangkan kepada badan-badan berkaitan untuk dimanfaatkan bersama.

Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab sebagai badan pengawal piawaian Halal sejak Ogos 2009. Ia bukan sahaja menyediakan garis panduan produk halal secara komprehensif kepada para masyarakat, tetapi juga menyediakan kemudahan kepada para pengguna untuk mengetahui pelbagai maklumat berkenaan halal yang boleh diakses secara atas talian mahupun secara langsung. Walaubagaimanapun, pengetahuan mengenai halal yang akan diterima masyarakat perlu diperluaskan lagi. Oleh itu, kajian ini dapat memberi dimensi dan kefahaman yang lebih meluas dan jelas berkaitan hakikat bahawa wujud hubungan erat antara makanan ḥalālān ṭoyyiba dan tabiat pemakanan cara Islam dengan akhlak manusia.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi nilai tambah kepada pelbagai pihak seperti para pendakwah (*dā'i*), pendidik, ibu bapa dan pemimpin masyarakat dalam mendidik anak kecil dan remaja bermula dengan bimbingan pengambilan makanan ḥalālān ṭoyyiba serta menggalakkan tabiat pemakanan mengikut panduan dan acuan Islam yang bersumberkan al-Quran. Dengan itu, maka akan membantu pembentukan generasi muda yang berakhlak mulia dan terpuji daripada semasa ke semasa dan seterusnya menggalakkan pelaksanaan ajaran Islam secara praktikal dan berterusan.

Disamping itu, ia juga dapat menyediakan panduan asas kepada penyelidikan yang lebih komprehensif dalam pelbagai aspek kehidupan manusia yang berkaitan ḥalālān ṭoyyiba. Kajian ini turut menyumbang kepada penemuan baru dalam konteks hubungan yang wujud antara makanan ḥalālān ṭoyyiba dan tabiat pemakanan cara Islam dengan akhlak manusia.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen, analisis kandungan dan temubual.

Peringkat pertama, pengkaji memilih dua dokumen utama untuk dikaji kandungannya iaitu buku terjemahan tafsir *al-Qurṭubī*, *al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān* yang diterjemah oleh Fathurrahman, Ahmad Hotib dan tafsir *al-Mishbāḥ* yang ditulis oleh M. Quraish Shihab. Rasional pemilihan buku rujukan tersebut adalah melihat kepada perbezaan pandangan ulama tafsir di samping kelebihan dan keistimewaan yang ada pada kedua-dua tafsir tersebut.

Bagi tafsir *al-Qurṭubī*, antara keistimewaan yang ada pada tafsir ini adalah ia merupakan dari jenis tafsir fiqhī dan teras. Metode yang digunakan oleh al-Qurṭubī dalam kitab tafsirnya adalah metode tahlīlī di mana ia berupaya menjelaskan seluruh aspek dan pengertian yang terkandung dalam al-Quran sehingga dianggap sebagai sebuah ensiklopedia besar yang memuatkan banyak ilmu. Corak penafsirannya juga lebih menonjol dari segi pemikiran fiqh. Pada awal tafsiran ayat, beliau menjurus kepada menjelaskan pemahaman maksud daripada segi lughawi. Setelah itu, tafsiran ayat diperluaskan menurut cara kebiasaan yang digunakan oleh para ahli fiqh menerusi istinbat hukum dengan mengetepikan unsur fanatik terhadap mazhab Maliki yang diikutinya mahupun mazhab-mazhab lain. Bahkan juga, beliau berjaya menghimpun ayat, hadis dan aqwal ulama dalam membahaskan masalah-masalah hukum dan kemudiannya mentarjih salah satu daripada aqwal tersebut sarat dengan dalil-dalil 'aqli dan naqli tanpa mengabaikan bahasa Arab, syair serta sastera Arab (al-Qurṭubī, 2007).

Tafsir al-Mishbāh pula merupakan daripada jenis tafsir kontemporari. Antara keistimewaan tafsir ini adalah ayat-ayat al-Quran dihuraikan menggunakan gabungan metode maudū'ī dan metode taḥlīlī yang membincangkan permasalahan semasa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam di Nusantara. Kemampuan M. Quraish Shihab dalam menterjemah serta menyampaikan pesanan al-Quran dalam konteks moden menjadikan ia lebih bersifat kontekstual dan sesuai menjadi rujukan di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Justeru, dengan kelebihan-kelebihan yang ada pada tafsir ini dapat membantu penyelidik memahami dengan lebih mendalam serta merungkai permasalahan kajian daripada sudut hukum fiqah dalam konteks kehidupan masyarakat muslim di Malaysia khususnya dengan lebih terperinci dan tuntas.

Hasil perbandingan tafsiran oleh kedua-dua jenis ulama ini juga diharap dapat memberi dimensi baru dan kefahaman yang lebih meluas dan jelas berkaitan hakikat bahawa wujud hubungan erat antara makanan ḥalālān ṭoyyiba dan tabiat pemakanan cara Islam dengan akhlak manusia. Pemilihan kandungan teks tersebut tertumpu kepada ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perkataan ḥalāl, ṭoyyib, ḥarām, dan khabīth daripada segi makanan menerusi buku *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfāz al-Qur'ān* karangan Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Pemilihan ayat daripada jenis ini penting bagi membolehkan pemfokusan terhadap ayat-ayat berkaitan makanan sahaja dipilih untuk dihubungkan dengan konteks akhlak.

Peringkat seterusnya penyelidik menggunakan kaedah temubual. Skop pemilihan pakar untuk dapatan yang menggunakan kaedah ini hanya melibatkan pakar dalam bidang sains dan fiqh. Pemilihan bidang tersebut penting bagi membantu penyelidik memperoleh maklumat dan keterangan mengenai kajian dengan lebih tepat. Seramai empat orang responden dipilih menggunakan teknik sampel bertujuan untuk ditemubual. Hasil perbincangan dan pendapat daripada pakar-pakar tersebut dapat memberi dimensi baru dan kefahaman yang lebih meluas dan jelas tentang wujudnya hubungan erat antara makanan ḥalālān ṭoyyiba dan tabiat pemakanan cara Islam dengan akhlak manusia.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Makanan

Menurut Kamus Dewan, makanan dapat didefinisikan sebagai apa sahaja yang boleh dimakan (Kamus Dewan: 2002). Manakala menurut istilah bahasa Arab makanan dapat diistilahkan sebagai *aṭ'imah* iaitu jamak kepada *ṭo'am* yang bermaksud merasai sesuatu; sama ada manis, pahit, masam, masin dan sebagainya. Makanan ialah setiap benda yang dimakan untuk kekuatan tubuh badan, mengekalkan kekuatan atau kesegaran tubuh badan (Zaini Nasohah, 2004:148).

1.8.2 Pemakanan

Pemakanan bermaksud proses menerima dan menggunakan bahan makanan yang diperlukan oleh makhluk untuk mengawal fungsi dan pertumbuhannya atau memperbaharui komponennya (Zaini Nasohah, 2004:148).

1.8.3 Ḥalālan

Perkataan ḥalāl berasal daripada kalimah Arab iaitu *ḥalla*, *yaḥillu*, *ḥillan*, *wa ḥalālan* yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum Syarak. Dalam Kamus

al-Munjid (t.th), ḥalāl didefinisikan sebagai sesuatu yang dibolehkan oleh Allah SWT. Kamus Dewan (2002), halal bermaksud hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam), diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan. Ensiklopedia Kesenian & Warisan Islam (2009) mendefinisikan ḥalāl sebagai dibolehkan (melakukan sesuatu) oleh undang-undang Islam. Manakala, perkataan ḥalāl daripada segi istilah bermaksud segala sesuatu yang menyebabkan seseorang tidak dihukum jika menggunakannya, sesuatu yang boleh dikerjakan menurut Syara' (Zulkifli Mohd. Yusoff, 2009).

1.8.4 Ṭoyyiba

Ensiklopedia Hukum Islam (Abdul Azis Dahlan:1997) telah mentakrifkan ṭoyyiba atau ṭoyyibāt mencakupi keimanan atau iktikad, perkataan, perbuatan, makanan, dan kekayaan yang baik, yang bererti halal. Perkataan ṭoyyib bermakna baik, dan ia juga bererti makanan itu mestilah baik untuk dimakan dan diperolehi daripada sumber yang asli (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2006:15). Ibnu Kathīr mentafsirkan makanan yang 'baik' sebagai yang 'sesuai dengan selesa di samping tidak mendatangkan kemudaratkan kepada badan dan akal' (Muhammad Nasib al-Rifa'i, 1999:139). Menurut al-Zuhailī (2009), beliau mentafsirkan ṭoyyib sebagai rezeki yang baik atau makanan yang dihalalkan oleh Allah SWT, tidak syubhat, tidak berdosa dan bukan hak orang lain serta apa yang lazat, sedap, disukai oleh jiwa manusia, bermanfaat kepada badan dan tidak merbahaya.

1.8.5 Akhlak

Perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan “*khuluq*” yang bermaksud perangai atau tingkahlaku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Menurut Asmawati Suhid (2009:15) akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah dan agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang. Perkataan akhlak menunjukkan sejumlah sifat tabiat fitri (asli) pada manusia dan sejumlah sifat yang diusahakan hingga seolah-olah fitrah akhlak ini memiliki dua bentuk, pertama bersifat batiniyah (kejiwaan), dan yang kedua bersifat zahiriyah yang terwujud dalam perilaku (Tim Pengembang Ilmu Pendidikan, 2007:95; Zulkifli Mohd. Yusoff: 2009).

1.9 Penutup

Dalam bab I ini, penyelidik telah menjelaskan secara terperinci berkenaan pengenalan, latar belakang masalah dan pernyataan masalah iaitu mengenai “Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak”. Seterusnya turut dinyatakan berkaitan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah. Secara keseluruhannya, kesemua komponen dalam bab ini merupakan asas penyelidikan bagi penyelidik sebelum kajian lanjut dan terperinci dijalankan dalam bab seterusnya.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- 'Abd al-Bāqī, Muhammad Fu'ād (1945). *Al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfāz al-Qur'ān*. Qāherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Abdul Azis Dahlan et.al (1997). *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Abdul Karim Alias (2009). *Update On Current Research on Gelatin Alternatives*. Food Biopolymer Research Group School of Industrial Technology. Universiti Sains Malaysia.
- Abu Zaid, Fauzi Muhammad (1997). *Hidangan Islami, Ulasan Komprehensif Berdasarkan Syariat & Sains Modern*. Jakarta, Indonesia: Gema Insani Press.
- Aḥmad bin Ḥanbal (1991). *Al-Musnad*. Jil. 3. Qāherah: Dār al-Fikr.
- Ahmad Mahdzan Ayob (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sunawari Long (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Syauqy Ibrahim (2013). *Super Food*. Selangor: Jasmin Publications.
- Aisha Maharani (2012). *Halal is My Way: Edukasi Halal Semua Umur Seri Makanan dan Minuman*. Bandung: Mizania.
- Akmal Mohd. Zain (2007). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Alina Abdul Rahim (2010). *Pemakanan Islam Penjana Kanak-kanak Pintar*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Asmak Ab Rahman (2009). Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*, 17(2). 299-326.
- Asmawati Suhid (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & distributors Sdn. Bhd.
- Atiqah Hamid (2012). *Buku Pintar Halal Haram Seharian-hari*. Jogjakarta: DIVA Press.

- Azhar Harun & Nawī Abdullah (2004). *Metodologi Ekonomi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Thomson.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Baladi M. G, L. C. Daws, and C. P. France (2012). You Are What You Eat: Influence Of Type And Amount Of Food Consumed On Central Dopamine Systems And The Behavioral Effects Of Direct- And Indirect-Acting Dopamine Receptor Agonists. *Neuropharmacology*, 63. 76-86.
- Baltāji, Muhyiddīn (1986). *Dirasāt fī al-Tafsīr wa Uṣūlihi*. Qatar: Dār al-Thaqāfah.
- Basri Ibrahim (2009). *Isu-isu Fiqh Halal & Haram Semasa: Ilmu, Akidah, Syariah dan Akhlak*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Bogdan, R.C & Biklen, S.K (1998). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods* (3rd. Ed). Boston: Allyn & Bacon.
- Bogdan, R.C & Biklen, S.K (2003). *Qualitative Research For Education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bonne K. & Verbeke W. (2008). Muslim Consumer Trust In Halal Meat Status And Control In Belgium. *Meat Science*, 79. 113-123.
- Brian A. F & Allan G.C. (1995). *Food Science, Nutrition and Health*. 6th Ed. London: Edward Arnold.
- Brooks N. (2004). Overview of Religions. *Clinical Diversity in Medicine*, 6(1).
- Bukhārī, āl- (1982). *Sahih Bukhari*. Surabaya: Penerbit Toko Kitab al-Asriyah.
- Būṭī, āl- Muḥammad Sa'īd Ramaḍān (1982). *Ḍawābiṭ al-Maṣlahah fī al-Sharī'at al-Islāmiyyah*. Ed. ke-4. Beirūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Campbell D. & Fiske D. (1959). Convergent and Discriminant Validation. *Psychological Bulletin*, 56.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan, Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Class Names And The International Numbering System For Food Additives (2013). CAC/GL 36-1989. Diakses menerusi www.codexalimentarius.org/.../CXG_036e.pdf pada 22/6/2014.
- Cohen, L.M. & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education*. 5th. Ed. London: Routledge Falmer.
- Cresswell, J.W (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Approaches* 2nd Ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Daqqār, āl- Muhammad Nazar (1999). *Rawāi' al-Islāmī: al-Adab al-Islāmī wa Atharuha fī Ṣiḥḥah al-Fard wa al-Mujtama'*. Jil. 4. Damshiq: Dār al-Ma'ājim.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007). Kajian Ajaran Sesat Dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan. *Jurnal Usuludin*, 26. 1-22.
- Ensiklopedia Islam* (2004). Jil. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Kesenian & Warisan Islam* (2009). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Farmawī, al- Abd al-Hayy (2002). *Metode Tafsir Maudhu'i dan Cara Penerapannya*. Terjemahan: Rosihon Anwar. Bandung: Pustaka Setia.
- Fatwa Mufti Kerajaan Brunei (2007). *Isu-isu Produk Halal*. Brunei: Pencetak & Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.
- Fraenkel J. R dan Wallen N.E (1996). *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc. Fraw-Hill. Inc. Publihers.
- Fuller J.H.S, Toon P.D (1988) *Medical Practice in a Multicultural Society*. Oxford: Butterworth-Heinemann Professional Publishing.
- Gay, L.R & Airasian, P (2000). *Educational Research: Competencies and Application*. 6th. Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Ghazālī, al- (2009). *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Selangor: Jasmin Interprise.
- Ghazālī, al- (2011). *Mutiara Iḥyā 'Ulumuddin*. Shah Alam, Selangor: Illusion Network.
- Ghazālī, al- Muḥammad (t.th). *Kayfa Nata'āmalu Ma'a al-Qur'ān*. Qāherah: Dār al-Ma'ārif.
- Ghazali bin Darusalam (t.t). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Maktab Perguruan Islam.
- Glaser and Strauss (1980). *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. New York: Aldine Publishing Company.

- Goldacre, M (2000). Olive Oil 'Protects against bowel cancer'. *Journal of Epidemiology and Community Health*. BBC News Online (bertarikh 19 September 2000) Diakses menerusi <http://news.bbc.co.uk/2/hi/health/930475.stm> pada 28/6/2014.
- Gray, J.D (2013). *Rasulullah is My Doctor*. Kuala Lumpur: PTS Islamika.
- Harris R. L (2003). Nutrition, Brain, and Cognitive Performance. *Appetite*. 245-254.
- Hasanah (2002). *Industri Pengeluaran Makanan Di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana Ekonomi.
- Henley A. & Schott J. (1999). *Culture, Religion and Patient Care in a Multi-ethnic Society*. London: Age Concern.
- Henry G.B (1992). *Food Is Your Best Medicine*. 12th. Ed. New York: Ballantine Books.
- Ibn 'Ashūr, Muḥammad Ṭāhīr (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Jil. 15. Tūnis: Dār al-Tūnisiah li al-Nashr.
- Ibn Kathīr, Ismā'il bin 'Umar (1994). *Qaṣaṣ al-Anbiyā'*. Beirūt: Dār al-Khayr.
- Ibn Kathīr, Ismā'il bin 'Umar (t.th). *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*. Jil.1. Sunt. Hani al-Haj. Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram al-Miṣrī (1990). *Lisān al-'Arab*. Beirūt: Dār Ṣādir.
- Ibn Nujaym, Zayn al-'Ābidīn bin Ibrāhīm (1968). *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir 'ala Madhhab Abī Ḥanīfah al-Nu'mān*. Qāherah: Muassasah al-Ḥalabi.
- Ibrahim (2007). *The Reason Why Islam Prohibits The Consumption of Intoxicants*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Kamarul Azmi bin Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Ijazah Doktor Falsafah.
- Kamus Dewan* (2002). Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaysi, al- Marwan Ibrahim (1997). *Adab Sopan dan Budi Pekerti Dalam Islam*. Terjemahan: Hussin Salamon dan Mohd. Nasir Ripin. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2013). Diakses menerusi <http://www.moh.gov.my> pada 22/6/2014.

- Kementerian Kesihatan Malaysia (2013). Diakses menerusi Mynutri.moh.gov.my pada 22/6/2014.
- M. Quraish Shihab (1999). *Membumikan al-Quran; Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Mizan.
- M. Quraish Shihab (2009). *Tafsir al-mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*. Jakarta: Lentera Hati.
- Mahkamah Syariah Negeri Melaka (2011). Statistik Kes Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2008-2011. Diakses menerusi <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my> pada 15/12/2011.
- Marbawi, al- Mohd Idris Abdul Rauf (1990). *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Marohaini Yusoff (2001). *Penyelidikan Kualitatif. Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Bangi: Penerbit UKM.
- Maykut, P. & Morehouse, R. (2003). *Beginning Qualitative Research: A Philosophy and Practical Guide*. London: Routledge Falmer.
- Mazidah Muhammad & Noor Hisham Md Nawawi (2011). *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- McAvoy B.R & Donaldson L.J (1995). *Health Care for Asians*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Merriam, S.B (1998). *Qualitative Research and Case Study applications in Education*. Georgia: The Jossey-Bass.
- Merriam, S.B (2002). *Qualitative Research Practice: Examples For Discussion Learning Theory*. Adult Education Quaterly: New York.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti teknologi Malaysia.
- Mohammad Noorizzuddin Nooh & Wan Rasyidah Wan Nawang (2009). *Usahawan Muslim: Isu dan Cabaran*. Seminar Pembudayaan & Pendidikan Keusahawanan Remaja. Diakses menerusi <http://ddms.usim.edu.my> pada 4/3/2014.
- Mohd Azhar Abd Hamid (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam Di Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Ijazah Doktor Falsafah.

- Mohd Azlan Abdullah & Noraziah Ali (2011). Amalan Pemakanan dalam Kalangan Pelajar Universiti dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14. 59 - 68.
- Mohd Nasir Omar (2005). *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Othman (2010). Media dan Isu Alam Sekitar. *Jurnal Hadhari*, 2(2). 1-17.
- Molan P. (2001) Why honey is effective as a medicine. *Bee World* 82(1): 22-40.
- Monika @ Munirah Abd Razzak (2009). *Sains Kesihatan Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Suatu kajian*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Muhammad Umar Chand (2001). *Halal Haram The Prohibited & The Permitted Foods & Drinks*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Muhammad Zulkarnain Mubhar (2011). *Metode Maudu'y Dalam Penafsiran Al-Quran: Meneguhkan Metode Penelitian Tafsir sebagai Metode Ilmiah*. Prosiding Seminar Kelas Biasiswa PPS IAIN Sunan Ampel Surabaya. Januari 5. Surabaya.
- Muhd Nasruddin Dasuki (2012). *100 Pesanan Terakhir Rasulullah: Al-Quran & Sunnah*. Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karang kraf.
- al-Mu'jam al-Wasīf* (2004). Maktabat al-Khanji
- Muslim bin Ḥajjāj (2003). *Sahih Muslim*. Terjemahan: Ma'mur Daud. Singapura: Darel Fajr Publishing House.
- Nancy J. P and Poleman C.M (1995). *Nutrition: Essential & Diet Therapy*. 7th Ed. USA: W.B Saunders Company.
- Nashirudin Baidan (2005). *Metodologi Penafsiran Al-Quran*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Nasoha Saabin (2002). *Mengendalikan Hubungan Suami Isteri*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Nazīḥ Ḥammād (2004). *Penggunaan Bahan-bahan yang Haram & Najis Di Dalam Makanan & Ubat-Ubatan*. Terjemahan: Basri bin Ibrahim. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Neuman W.L (1991). *Social Research Methods: Qualitative and quantitative Approaches*. United States of America: Allyn and Bacon.

- Nirosha D. G., Elizabeth M. Jarvis and David W. Johnson (2011). Hemodialysis Access Infections, Epidemiology, Pathogenesis and Prevention. In *Technical Problems in Patients on Hemodialysis*. Maria Goretti Penido (Ed.). InTech.
- Othman Mustapha (2014). Penjelasan Kod E Yang Dikaitkan Mengandung Lemak Babi. Diakses menerusi <http://www.islam.gov.my> pada 22/6/2014.
- Oxford Dictionary of English* (2010). 3rd Ed. UK: Oxford Universiti Press.
- Patton, M. Q (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods*. 3rd Ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006). *Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Halal Haram*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Polis Diraja Malaysia (2011). *Perbandingan Statistik*. Bukit Aman, Kuala Lumpur. Diakses menerusi <http://www.rmp.gov.my> pada 15/12/2011.
- Qaraḍāwī, al- Yūsuf (1994). *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Beirut: Maktabah al-Islāmī.
- Qaṭṭān, al- Mannā' Khalīl (2006). *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān: Cara Mudah Memahami al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa.
- Qurtubī, al- (2007). *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Terjemahan: Ahmad Hotib Fathurrahman. Edt. Mukhlis Mukti. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Rifā'i, al- Muhammad Nasib (1999). *Kemudahan Dari Allah: Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir*. Penerjemah: Syihabuddin. Jakarta.
- Ritchie, J. & Lewis, J. (2005). *Qualitative Research Practice: A Guide for Social Science Students and Researchers*. London: SAGE Publications.
- Roem Rawi (2001). *Ragam Penafsiran Al-Quran*. Surabaya: Lembaga Pendidikan Ilmu Al-Quran.
- Rozali Adam (1985). *Al-Quran Di antara Tafsir Dan Israiliyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ruaain Mustari (1994). *Kepentingan Penjagaan Makanan Dan Pemakanan Serta Implikasinya Terhadap Pembentukan Sahsiah Menurut Perspektif Islam*. Universiti kebangsaan Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.

- Sabitha Marican (2009). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Penyelidik*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sadr, al- Muhammad Baqir (1992). *Madrasah al-Qur'aniyah*. Terjemahan: Hidayaturrahman. Jakarta: Risalah Masa.
- Sa'īd Ḥawwa (1993). *al-Asās fī al-Tafsīr*. Mesir: Dār al-Salām.
- Sakr, Ahmad H. et.al (1991). *Ramuan Makanan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sakr, Ahmad H. (1993). *A Muslim Guide To Food Ingredients*. Foundation for Islamic Knowledge.
- Samarudin Rejab & Nazri Abdullah (1985). *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Shahib, al- W. and Marshall. R.J (2003). The Fruit of The Date Palm: Its Possible Use As The Best Food For The Fututre. *International Journal of Food and Science Nutrition*, 54(4): 247-259.
- Sheikh A. & Gatrad AR. (2000). *Caring for Muslim Patients*. Oxon, UK: Radcliffe Medical Press.
- Sidi Ghazalba (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Siti Zulekah dan Yuli Kusumawati (2005). Halal dan Haram Makanan Dalam Islam. *Suhuf* 17: 25-35.
- Strauss, A & Corbin, J. (1990). *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Prosedurs and Techniques*. London: Sage Publications.
- Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Abdillah Ahmad Aljufri (2001). *Pelita Al-Quran*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad & Rahimawati Abdul Rahim (2007). *Membina Pelajar Cemerlang, Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ṭanṭāwī, Muḥammad Sa'īd (1998). *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Syurūq.

- Tim Pengembang Ilmu Pendidikan (2007). *Ilmu & Aplikasi Pendidikan, Bagian 4 Pendidikan Lintas Bidang*. Bandung: Pt. Imperial Bhakti Utama.
- Tirmizi, al- (2011). *Syamil Muhammadiyah: Keanggunanmu Ya Rasulullah*. Terjemahan: Muhammad Masnur Hamzah. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Tobari, al- Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr (2009). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Terjemahan: Misbah et.al. Edt. Edy Fr, Besus Hidayat Amin. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Turner, R.N (1984). *Naturopathic Medicine*. England: Thorsons, Publication. Ltd.
- Uthaimin, al- Muḥammad bin Šāliḥ (2011). *Ensiklopedi Halal Haram Dalam Islam: Kajian Lengkap Membahas Hukum Halal dan Haram Dalam Masalah Akidah, Ibadah, Muamalah dan Adab*. Terjemahan: Abu Nabil & Muhammad Muhtadi. Waringinrejo Cemani Solo: Zam Zam.
- Van Manen, M. (1990). *Researching Lived Experience: Human Science For an Action sensitive Pedagogy*. London, Ontario: Althouse Press.
- Warren B. (2008). *The Key Concept: Food*. Oxford, UK: Oxford International Publishers Ltd.
- Wiersma, W. (1991). *Research Methods in Education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Wizārah al-'awqāf wa al-shu'ūn al-Islāmiyah (1990). *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*. Jil. 18. Kuwait: Ṭab'ah Dhāt al-Salāsil.
- Yaakob Che Man (2010). Alkohol dan DNA Dalam Forensik Makanan Halal. *Prosiding Seminar Isu-Isu Keselamatan Makanan*. Ogos 7-8. Alor Setar: Auditorium Hospital Sultanah Bahiyah.
- Yin R. K (1994). *Case Study Research*. 2nd. Ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Yusuf Al-Hajj (2011). *Sains Moden Menurut Perspektif Al-Quran & As-Sunnah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Zaharah Hussin (2008). *Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak Untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Zaini Nasohah (2004). *Syariah Dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Zainun Ishak (2006). *Panduan Kesihatan Dan Keselamatan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zarqā', al- Muṣṭafa Aḥmad (2007). *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Jil. 2. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Zawanah et.al. (2008). Halal: Antara Tuntutan Agama dan Strategi Ekonomi. *Prosiding Seminar Pentadbiran Hal-Ehwal Islami Di Malaysia: Cabaran Semasa Dan Perancangan Masa Depan*. Ogos 6-7. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- al-Zuḥailī, Wahbah (2009). *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Zulkifli Hasan (t.t). *Isu Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia dan Sejauhmanakah Pelaksanaannya*. Diakses menerusi <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com> pada 4 Mac 2014.
- Zulkifli Mohd. Yusoff (2009). *Kamus Al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam Al-Quran*. PTS Islamika Sdn. Bhd.